

SIARAN AKHBAR

S.A. 2023/11/21_60 (HQ)

TNB MENGUBAH mGATS MENJADI PLATFORM PERDAGANGAN DIGITAL UTAMA MALAYSIA UNTUK mREC

- Penjenamaan semula mGATS dijadualkan pada suku pertama 2024
- Satu langkah penting dalam usaha Malaysia mencapai masa depan tenaga yang mampan, sejajar dengan Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Negara (National Energy Transition Roadmap, NETR)
- mGATS yang dinaik taraf akan menjadi platform perdagangan REC yang lengkap, memberikan peluang yang lebih luas kepada perniagaan untuk memenuhi komitmen ESG secara efektif

Tenaga Nasional Berhad (TNB) mengumumkan evolusi penting dalam bidang tenaga mampan dengan penjenamaan semula dan transformasi *Malaysia Green Attribute Trading System* (mGATS). Platform digital inovatif ini sedang dinaik taraf untuk menjadi pasaran digital terulung negara bagi Sijil Tenaga Boleh Baharu Malaysia (*Malaysia Renewable Energy Certificate*, mREC).

mGATS yang pada mulanya diperkenalkan sebagai hub maklumat untuk sijil tenaga boleh baharu empat tahun lalu, kini mengalami perubahan ketara dalam fungsinya, beralih kepada pasaran digital dinamik untuk REC. mGATS yang dijenamakan semula dijadualkan untuk dilancarkan pada suku pertama 2024.

Penjenamaannya dilancarkan di Pameran dan Persidangan Teknologi Hijau serta Produk Eko Antarabangsa Malaysia (IGEM) 2023. Timbalan Perdana Menteri Dato' Sri Fadillah Yusof, mewakili Perdana Menteri Dato' Seri Anwar Ibrahim, merasmikan pelancaran itu. Pelancaran itu turut dihadiri oleh Menteri Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (NRECC) Nik Nazmi Nik Ahmad, Timbalan Menteri (NRECC) Dato' Sri Huang Tiong Sii, Ketua Setiausaha (NRECC) Dr. Ching Thoo Kim, serta Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif TNB, Dato' Seri Ir. Baharin Din.

Timbalan Perdana Menteri Dato' Sri Fadillah menekankan kepentingan mGATS sebagai platform perdagangan digital perintis yang bertujuan untuk memperkukuh program Tarif Elektrik Hijau (*Green Electricity Tariff*, GET) Malaysia yang sedia ada. Beliau menyatakan, "Program perdagangan baharu ini memperkasakan pengguna dan syarikat yang mementingkan alam sekitar dengan komitmen Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (ESG) untuk mengimbangi jejak karbon mereka daripada penggunaan elektrik."

Berucap pada majlis yang sama, Nik Nazmi menyatakan bahawa peningkatan pengeluaran tenaga boleh baharu dalam sektor tenaga sejajar dengan peningkatan permintaan untuk elektrik hijau, terutamanya daripada syarikat dan organisasi multinasional, termasuk penyertaan daripada ahli korporat global RE100 yang komited kepada 100% tenaga boleh baharu.

Beliau menekankan peranan penghijauan grid elektrik dalam memudahkan perniagaan hijau baharu, dan peluang pelaburan, serta mengembangkan nilai ekonomi negara. Nik Nazmi menegaskan kepentingan inisiatif seperti Program Pemeteran Tenaga Bersih (*Net Energy Metering*, NEM), Program Tenaga Hijau Korporat, dan Program GET, yang membolehkan perniagaan mengakses tenaga elektrik hijau dan memenuhi komitmen ESG serta Skop 2 Gas Rumah Hijau (GHG) mereka.

"Akan datang, NRECC dengan kerjasama TNBX Sdn. Bhd. (anak syarikat milik penuh TNB), akan menaik taraf mGATS sedia ada kepada platform perdagangan REC sepenuhnya, yang membolehkan pertukaran komersial REC dijalankan di Malaysia. Ini akan memberikan pilihan yang lebih besar kepada perniagaan dalam memenuhi komitmen ESG masing-masing," tambah Nik Nazmi.

Dato' Seri Ir. Baharin Din menyatakan bahawa pelancaran mGATS yang dijenamakan semula menandakan satu pencapaian penting dalam perjalanan Malaysia ke arah masa depan tenaga yang lebih hijau dan mampan. Inisiatif ini sejajar dengan Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Negara (NETR) yang menyasarkan 70% bekalan tenaga primer Malaysia datang daripada tenaga boleh baharu menjelang tahun 2050.

mGATS yang dinaik taraf akan memberikan manfaat besar kepada pelanggan perniagaan, menawarkan cara yang telus dan mesra pengguna untuk mendapatkan tenaga elektrik hijau, terutamanya bagi mereka yang menyasarkan matlamat penggunaan tenaga boleh baharu sebanyak 100%.

"Apabila platform mGATS yang baharu beroperasi pada suku pertama 2024, entiti komersial dan perindustrian yang berminat untuk mendapatkan mREC bagi elektrik hijau secara tidak langsung boleh mengambil bahagian dalam platform pembidaan. mGATS akan berkembang dari semasa ke semasa untuk memberi perkhidmatan yang lebih baik kepada pelanggan kami dalam usaha mereka mencari tenaga elektrik hijau," tambah beliau.

mREC merupakan instrumen berasaskan pasaran yang memperakui pemilikan elektrik yang dijana daripada sumber tenaga boleh baharu di Malaysia, khususnya bagi menangani pelepasan protokol gas rumah hijau di bawah Skop 2 yang berkaitan dengan penjanaan tenaga elektrik, membezakannya daripada kredit karbon yang lebih meluas yang terpakai untuk pelepasan dalam protokol gas rumah hijau Skop 1, Skop 2, dan Skop 3.

Untuk maklumat lanjut mengenai platform mGATS , pelanggan boleh melayari <https://www.mgats.com.my/trading> dan mendaftar minat mereka.

Dikeluarkan di Kuala Lumpur pada 21 November 2023, jam 11:00 pagi

Untuk pertanyaan media, sila hubungi Hanim Idris di 019-2617617

/ Grace Tan 016-6626229 / Faiq Haikal 013-3889606 / Atikah Aqilah 011-10772731

Email: media@tnb.com.my

Mengenai Tenaga Nasional Berhad

Tenaga Nasional Berhad (www.tnb.com.my) ialah syarikat utiliti Malaysia terkemuka di Asia dengan jejak antarabangsa di United Kingdom, Kuwait, Turkiye, Arab Saudi dan India. Dalam bidang Tenaga Boleh Baharu setakat Disember 2022, TNB memiliki kapasiti bekalan elektrik berjumlah 2,896MW di Malaysia (termasuk 2,536.1MW hidro besar) dan 993MW di seluruh UK, Turkiye, dan India yang meliputi penjanaan tenaga solar, angin dan hidro. Di samping menjadi penjana utama elektrik negara, TNB juga mengendalikan penghantaran dan pengagihan tenaga elektrik di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan. Sehingga 31 May 2023, TNB membekalkan elektrik kepada kira-kira 10.7 juta pelanggan.

Mengenai TNBX Sdn Bhd

TNBX adalah anak syarikat milik penuh Tenaga Nasional Berhad yang ditubuhkan pada tahun 2017. TNBX menawarkan solusi pintar and inovatif dalam tenaga boleh baharu dan kecekapan tenaga untuk pengguna domestik, komersial dan perindustrian. Beberapa daripada solusi yang ditawarkan termasuk kontrak dan pengebilan solar (*Supply Agreement Renewable Energy*), *Malaysia Renewable Energy Certificate* (mREC) dan platform pengecasan kenderaan elektrik (EV).



Timbalan Perdana Menteri Dato' Sri Fadillah Yusof, mewakili Perdana Menteri Dato' Seri Anwar Ibrahim, merasmikan pelancaran penjenamaan semula Malaysia Green Attribute Trading System (mGATS) di Pameran dan Persidangan Teknologi Hijau serta Produk Eko Antarabangsa Malaysia (IGEM 2023) pada 5 Oktober 2023.

Turut hadir, Menteri Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (NRECC), Nik Nazmi Nik Ahmad (kanan kedua); Timbalan Menteri (NRECC) Huang Tiong Sii (kiri kedua); Ketua Setiausaha (NRECC) Dr Ching Thoo Kim (paling kanan); dan Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif TNB, Dato' Seri Ir. Baharin Din.



Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif TNB, Dato' Seri Ir. Baharin Din menjelaskan ASEAN Power Grid (APG), salah satu projek bersama terbesar dan paling berwawasan di rantau ini, kepada Timbalan Perdana Menteri, Dato' Sri Fadillah Yusof (tengah) selepas pelancaran Malaysia Green Attribute Trading System (mGATS) yang diberi nama baharu di Pameran dan Persidangan Teknologi Hijau serta Produk Eko Antarabangsa Malaysia atau Igem 2023 pada 5 Oktober 2023. Di sebelah kanan Fadillah ialah Menteri Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (NRECC), Nik Nazmi Nik Ahmad, dan di sebelah kirinya adalah Pengerusi TNB, Dato' Abdul Razak Abdul Majid.